

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1. Latarbelakang Masalah

Kerelaan merupakan salah satu dari dua rukun akad iaitu *al-tarād ad i'* dan *al-sabab*.¹ Ulama mentakrifkan kerelaan dengan berbagai-bagi definisi. Definisi mereka boleh ditakrifkan dalam satu takrifan iaitu “melakukan sesuatu perbuatan tanpa paksaan.”²

Sememangnya kerelaan merupakan satu unsur penting dalam urusan kehidupan manusia seperti firman Allah. S.W.T dalam surah Al-Nisa' ayat 29:

بِأَيْمَانِهِ الَّذِينَ أَصْنَوْا لِرَبِّكُمْ كُلَّا أَمْوَالَهُمْ بِسِنْدٍ بِالْبَاطِلِ
إِلَّا أَنْ تَكُونْ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

“Wahai orang yang beriman jangan kamu makan di antara kamu dengan cara yang batil kecuali dengan perniagaan yang berdasarkan kerelaan sesama kamu.”

Berdasarkan ayat di atas, Islam memerintahkan umatnya supaya menghindarkan unsur-unsur yang bercanggah dengan Syarak di dalam urusan penghidupan. Rasulullah s.a.w mengingatkan kita perkara ini dalam ungkapannya yang bermaksud:

“Pada satu masa nanti manusia tidak peduli sumber pendapatan mereka samada dari yang halal atau yang haram.”³

Oleh itu satu-satu akad mestilah dibentuk dari kehendak yang bebas dan atas dasar kerelaan. Akad perlu dibebaskan dari unsur-unsur yang boleh mencacatkan atau membatalkam akad yang dikenali sebagai kecacatan pada kerelaan (*al-'uy ub al-rida*) iaitu paksaan (*al-ikr ah*), penipuan (*al-tadl is*), kesilapan (*al-ghalat*) dan manipulasi (*al-ghubn*).⁴

Berdasarkan pembahagian di atas, *ghalat* merupakan salah satu faktor yang mencacatkan akad dan memberi kesan kepada akad. Walaubagaimanapun persoalan *ghalat* kurang dibahaskan dan dibincangkan oleh ulama silam. Mereka lebih menumpukan kepada persoalan paksaan dan penipuan. Ini berkemungkinan terdapat banyak nas dan dalil dari al-Quran dan Hadith yang melarang paksaan dan penipuan. Contohnya ayat yang menyatakan keimanan seseorang tidak terjejas jika dipaksa mensyirikkan Allah S.W.T sedangkan hatinya tidak sedemikian.⁵ Begitu

juga dalam hadith Rasulullah s.a.w yang menyatakan tidak berlaku talak dalam keadaan terpaksa⁶ dan banyak lagi contoh yang lain.

Penipuan pula jelas disebut dalam beberapa hadith seperti pengharaman *al-najsy*,⁷ *al-talaqq i*,⁸ penjualan *h adirin li b adin*,⁹ *al-tasriyy at*,¹⁰ dan lain-lain lagi.

Persekutaran zaman silam juga merupakan faktor yang menyebabkan keadaan dan keperluan yang tidak mendesak dan memerlukan perbincangan yang luas dan mendalam mengenai *ghalat* dalam kehidupan mereka. Kehidupan mereka tidak seperti kehidupan moden yang lebih kompleks dan global. Kegiatan dan perkembangan perdagangan ketika ini memerlukan satu perundangan perdagangan sepetimana yang berlaku pada kerajaan 'Uthmaniah sehingga mereka membuat satu undang-undang yang khusus mengenai perdagangan di akhir kurun ke dua puluh.¹¹ Oleh itu, meskipun konsep *ghalat* merupakan satu elemen yang kecil tetapi perbahasananya tidak perlu diketepikan begitu sahaja.

Kurangnya ulama silam membicarakan persoalan *ghalat* tidak bermakna mereka melupakan langsung perkara ini. Tetapi mereka menggunakan pendekatan tersendiri ketika menghuraikan persoalan ini dan sudah tentu berbeza dengan pendekatan yang dibuat oleh sarjana sekarang seperti, 'Abd Razzāq Ahmad al-Sanhūrī dalam kitab *Mas'adīr al-Haqqaq*, Mustafā Ahmad Al-Zarqā' dalam kitab *al-Madkhal al-Fiqh al-*

‘*Amm*, Muhammad Yūsuf Mūsā dalam kitab *al-Fiqh al-Islam i-Madkhal li Dirāsah Nizām al-Mu’āmalat* dan sebagainya. Ulama silam menyelit-menyelitkan persoalan ini dalam permasalahan yang lebih besar seperti *khiyār* atau sebagainya tanpa membicarakannya dalam konteks yang khusus dan terperinci. Oleh itu perbahasan mereka agak terhad dan tidak menyeluruh.

Menyedari hakikat ini, kajian ini cuba untuk meneliti tajuk ini dengan lebih terperinci lagi berdasarkan pandangan-pandangan ulama silam dan sarjana Islam sekarang. Penggabungan kandangan, idea dan metod mereka amat perlu untuk menghasilkan satu kajian yang kreatif dan kontemporari.

1.2. Objektif Kajian

Objektif kajian ialah:

Pertama, memenuhi keperluan untuk mendapatkan Sarjana Syariah secara berkursus dan disertasi di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kedua, mengkaji konsep *ghalat* dalam kontrak muamalat Islam menurut pandangan ilmuan dan ulama Islam dari berbagai mazhab dan

membuat perbandingan dengan peruntukan yang ditetapkan dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949.

Ketiga, membuat perbandingan antara Undang-undang Kontrak Malaysia dengan undang-undang muamalat Islam. Sejauhmana unsur-unsur Islam terdapat dalam Akta Kontrak Malaysia 1950 dan titik persamaan serta perbezaan antara kedua-duanya.

Keempat, menghuraikan penyelesaian-penyelesaian menurut pandangan Islam jika terdapat unsur-unsur *ghalat* dalam sesuatu akad yang memberi keadilan kepada semua pihak.

1.3. Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada persoalan *ghalat* di dalam akad. Oleh itu, akad jualbeli merupakan tumpuan utama pada membicarakan persoalan ini, berbanding dengan akad-akad yang lain seperti perkahwinan dan sebagainya. Walaubagaimanapun penulis akan juga membincangkan permasalahan *ghalat* dalam akad yang lain selain jualbeli untuk menjelaskan sesuatu keadaan yang mungkin tidak terdapat dalam akad jualbeli.

Kajian juga tertumpu pada undang-undang muamalat Islam yang terdapat dalam perundangan kontemporari seperti Undang-undang Sivil

Mesir 1949. Undang-undang ini mempunyai pengaruh dari undang-undang Islam kerana Syariah merupakan sumber perundangan yang ketiga selepas peruntukan undang-undang dan ‘urf dalam undang-undang tersebut.¹² Oleh itu ia lebih mirip kepada Islam atau mempunyai roh Islam dibandingkan dengan undang-undang sivil yang lain. Undang-undang Sivil Mesir juga menjadi rujukan dan sumber aspirasi perundangan di negara-negara Arab dan Islam. Walaupun terpengaruh dengan perundangan Perancis tetapi ia hanya mengambil beberapa prinsip sahaja dari undang-undang tersebut.¹³ Ini bermakna prinsip-prinsip Islam masih lagi dominan dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949.

Walaubagaimanapun kitab-kitab ulama silam tidak pula dikesampingkan begitu sahaja kerana penulisan mereka merupakan sumber rujukan utama permasalahan fiqh.

Selain dari itu skop kajian juga tertumpu pada semua permasalahan *ghalat* samada mencacatkan kontrak atau tidak. Antara perkara-perkara yang akan menjadi tumpuan kajian ialah:

Pertama, adakah konsep *ghalat* ini akan membatalkan akad atau akad akan terus terbatal. Kedua, bagaimana kaitan *ghalat* dengan kerelaan dan bagaimana kaitan *ghalat* dengan kesilapan dan kejahilan. Ketiga, bagaimana kaitan antara *ghalat* dan gantirugi. Keempat, sejauhmana konsep *ghalat* dalam Akta Kontrak Malaysia menepati dan mempunyai

unsur-unsur Islam. Kajian ini juga tertumpu pada prinsip khilaf seperti yang diperuntukan di dalam Akta Kontrak Malaysia 1950 yang bermodelkan kepada prinsip kontrak perundangan Inggeris.

1.4. Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan ini merupakan penyelidikan perpustakaan yang mempunyai kaitan yang amat rapat dengan penulisan yang terdahulu. Sumber penulisan dan rujukan kebanyakannya berbentuk dokumentari seperti buku-buku, tesis-tesis dan sebagainya. Bahan-bahan ini diambil dari Perpustakaan Utama, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan mengulangi Undang-undang Universiti Malaya. Bahan-bahan rujukan juga diambil dari Perpustakaan Awam, Pusat Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kajian utama tesis ini ialah mengkaji dan menganalisis peruntukan-peruntukan *ghalat* atau khilaf dalam undang-undang muamalat Islam, Akta Kontrak Malaysia 1950 dan Undang-undang Sivil Mesir 1949. Oleh itu kajian ini tidak boleh disifatkan sebagai mengulangi kajian dan penulisan terdahulu tetapi hendaklah dilihat dari aspek penelitian dan penganalisaan dokumentasi.

Selain itu, metode pensejarahan juga digunakan untuk melihat secara ringkas kajian yang telah dibuat oleh ulama Islam mengenai *ghalat* terutama dari imam-imam mazhab empat dan ulama sekarang. Penelitian pendapat-pendapat mereka merupakan teras kepada konsep *ghalat* dalam undang-undang muamalat Islam kerana pendapat mereka mempunyai autoriti sebagai satu pegangan.

Penelitian juga dibuat terhadap peruntukan-peruntukan dalam Undang-undang Sivil Mesir 1949, Akta Kontrak Malaysia 1950 dan keputusan-keputusan mahkamah dalam kes-kes *ghalat*. Keputusan-keputusan mahkamah tersebut boleh diambil dari laporan undang-undang dan buku-buku. Penelitian juga dibuat terhadap keselarasan dan keserasian di antara peruntukan undang-undang dengan keputusan-keputusan yang diputuskan oleh hakim.

Metode komperatif juga digunakan antara pendapat-pendapat ulama mazhab empat kerana terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara mereka. Kemudian pendapat mereka ditarjih untuk mendapatkan satu penyelesaian yang sesuai dengan realiti kehidupan dan perundangan. Selain itu beberapa hujah diketengahkan untuk meyakinkan penyelesaian yang menjadi pilihan kerana ia merupakan sebagai teras kepada konsep *ghalat* dalam undang-undang muamalat Islam, Undang-undang Sivil Mesir 1949 dan Akta Kontrak Malaysia 1950. Titik persamaan dan perbezaan diketengahkan sebelum satu penyelesaian dibuat berdasarkan konsep Islam.

1.5. Kajian Lampau

Kajian lampau yang ada kaitan dengan tajuk ini sememangnya banyak dalam kitab-kitab ulama terdahulu seperti *al-Umm* tulisan Imam Syafii, kitab *Fath al-Qadir* tulisan Ibn Humam, *Hasiyyah al-Khursi*, *Hasiyyah al-Dusiqi* dan *al-Muhallifi* tulisan Muhammad al-Zahir.

Ibn Hazm al-Zahir pula telah menjelaskan bahawa persoalan *ghalat* ini sudah berlaku sejak zaman tabi'in lagi. Beliau mengulas dengan ringkas mengenai *ghalat* ini mengenai seorang tabi'in yang bernama Qasim bin 'Abd Rahaman telah memulangkan barang yang dibelinya kerana berlaku *ghalat* pada barang tersebut. Manakala seorang lagi tabi'in yang bernama al-Syabib tidak memulangkan barang yang dibeli meskipun berlaku *ghalat* pada barang tersebut.¹⁴ Oleh itu, Ibn Hazm telah membicarakan konsep *ghalat* ini dalam jualbeli. Selain dari itu banyak lagi tulisan yang ada kaitan dengan persoalan ini, tetapi mereka tidak menjadikannya sebagai satu tajuk yang khusus.

Terdapat buku-buku yang berkaitan dengan tajuk ini antaranya *Nazariyyat al-Ghalat fi 'Aqd* tulisan Muhammad Abu al-Zahrah, *Al-Milkiyyah wa Nazariyyat al-Aqd fi Syar'i ah al-Islamiyyah* tulisan Ahmad Farraj Hussayn, *Al-Nazariyyat al-'Ammat lil-Mujibat wa al-'Uqud* tulisan Dr Subhi Mahmasan, *Al-Wasi'at*

Syarḥ Qānūn Madanī tulisan ‘Abd Razzāq Ahmad al-Sanhurī,
Nazariyyat al-‘Āmmah li'l Iltizām tulisan ‘Abd Razzāq Ahmad al-
Sanhurī dan *Masādir al-Haqq* tulisan ‘Abd Razzāq Ahmad al-
Sanhurī.

Penulis-penulis di atas cuba untuk membawa pendekatan baru dengan membicarakan satu topik yang merangkumi berbagai aspek dan permasalahan fiqh contohnya perbahasan mengenai akad yang merangkumi berbagai bahagian seperti jualbeli, pinjaman, gadaian dan sebagainya. Pendekatan ini mungkin bebeza dengan ulama silam yang lebih gemar membicarakan setiap bahagian fiqh tanpa diletakkan dalam satu topik khusus. Ini bermakna mereka membahaskan sesuatu bahagian fiqh secara berasingan, sedangkan perbahasan tersebut boleh digabungkan dalam satu topik.

Mustafā Ahmad al-Zarqā’ merupakan seorang sarjana yang membicarakan konsep akad dalam satu topik dalam kitab beliau yang bertajuk *al-Fiqh Islāmī Fī Thawbihi al-Jadīd*. Beliau membahagikan tajuk akad kepada beberapa bahagian antaranya, pembentukan akad, kesan-kesan akad dan akad yang rosak. Selain itu, beliau juga membicarakan konsep batal, fasakh dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan akad.

Sebelum ini, sudah ada kajian yang ada kaitan dengan tajuk ini sebagai latihan ilmiah di peringkat Sarjana Muda di Universiti Malaya.

Tetapi kebanyakkan tidak menulis secara khusus mengenai konsep *ghalat* dalam muamalat Islam. Mereka hanya membicarakan *ghalat* sebagai elemen yang kecil di bawah tajuk perkara-perkara yang boleh membatalkan akad. Antara kajian yang dibuat ialah:

Pertama. Kajian yang ditulis oleh Mohamed Azam bin Mohamed Adil yang bertajuk "Kontrak Boleh Batal dan Perjanjian Batal: Satu Kajian Perbandingan di Antara Undang-undang Islam dan Akta Kontrak Malaysia 1950."

Keduanya yang dibuat oleh Sulaiman bin Kadikon yang bertajuk "Konsep Kerelaan di dalam Kontrak: Satu Kajian Perbandingan Antara Undang-undang Islam dan Undang-undang Kontrak Malaysia 1950." Kajian ini disiapkan pada tahun 1993.

Kajian mereka merupakan kajian perbandingan undang-undang antara undang-undang muamalat Islam dan peruntukan undang-undang dalam Akta Kontrak Malaysia 1950. Oleh itu kajian mereka dalam *ghalat* adalah ringkas kerana ia merupakan satu elemen yang kecil dalam kontrak.

Oleh itu, penulis cuba untuk meneliti tajuk ini dengan lebih terperinci lagi meskipun ia merupakan satu elemen yang kecil sahaja dalam kontrak supaya perbincangannya lebih luas dan mendalam.

Rujukan

1. Sanh ဗုဒ္ဓရ အားလုံး၊ Abd Razz အောင် Ahmad, *al-Was ဗုဒ္ဓန အားလုံး Syarḥ al-Q အားလုံး un al-Madan i*, Kaherah: Matba`ah Hamburg, 1952, jil 1, m.s. 170.
2. Al-Khaf ဗုဒ္ဓရ, Muhammad အားလုံး, *Ahk အားလုံး al-Mu` အားလုံး amal အားလုံး al-Isl အားလုံး amiyyah*, (t.t), m.s. 314.
3. Al-'Asqal အားလုံး, Ibn Hajar, *Fath အားလုံး ar i*, Kaherah: Maktabah al-Kulliyy အားလုံး at al-Azhariyyah, 1978, jil 9, m.s. 143.
4. Abd Kar အားလုံး Zayd အားလုံး, *al-Madkhal li Dir အားလုံး asah Syar အားလုံး i ah al-Isl အားလုံး amiyyah*, Beirut: Mu`assasah al-Ris အားလုံး, 1986, cet ke 8, m.s. 353.
5. Surah al-Nahl ayat 106.
6. Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim, *Awn al-Ma`b အားလုံး ud Syarḥ Sunan Ab i D အားလုံး ud*, Beirut: Darul al-Kutub al-Ilmiyyah, 1990, jil 6, m.s. 187.
7. Tambahan harga pada sesuatu barang yang dilakukan oleh seseorang yang tidak berniat untuk membeli barang itu, tetapi supaya orang lain berminat membeli barang tersebut. Imam Sy အားလုံး အားလုံး အားလုံး Idr အားလုံး, *al-Umm*, Beirut, Darul Ma`rifah, 1973, cet ke 2, jil 3, m.s. 91.

8. Orang bandar menyambut orang Badwi sebelum mereka sampai ke pasar dengan membeli barang mereka sedangkan mereka tidak mengetahui harga pasaran yang sebenar. *Ibid.*, m.s. 93.

9. Jualan orang bandar kepada orang kampung iaitu tindakan seseorang penduduk bandar menjual barang makanannya kepada orang kampung sahaja dan mengenepikan orang lain, sedangkan mereka juga berhajat pada barang tersebut. Tujuan mereka berbuat demikian untuk mendapat keuntungan yang lebih. *Ibid.*, m.s. 92.

10. Susu yang diikat beberapa hari seminggu menampakkan seolah-olah ternakan mempunyai susu yang banyak. Ibn Qudāmah, Abū `Abdullah, *al-Mughnī* i, Riyad: Maktabah Riyadh al-Hadīthah, 1981, jil 4, m.s. 92.

11. `Alī Haydar, *Durar al-Hukkām Syarḥ al-Majallah al-Aḥkām*, Beirut: Dārul al-Jayl, (t.t), jil 1, m.s. 9.

12. Sanhūr ibn `Abd Razzāq Ahmad, *Op.cit.*, jil 1, m.s. 48.

13. *Ibid.*

14. Ibn Hazm, Abū Abdullāh, `Alī bin Ahmad, *al-Muhallī* i, Kaherah: Maktabah al-Turāth, (t.t), jil 8, m.s. 441.